

NO. SOALAN: 198

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM GUANG ENG (BAGAN)

RUJUKAN : 7275

SOALAN:

YB Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan polis yang bertugas di Pulau Pinang dan adakah ia ditambah kerana jumlah kini memang tidak mencukupi memandangkan Pulau Pinang kian dikunjungi ramai pelancong yang secara tidak langsung mendorong banyak penjenayah luar negeri mencuba nasib sehingga menyebabkan peningkatan jenayah jalanan.

JAWAPAN:

Kekuatan semasa pegawai dan anggota PDRM di negeri Pulau Pinang adalah seramai 5,536 orang. Nisbah Polis dengan penduduk di Pulau Pinang adalah 1:274. Jumlah pegawai dan anggota yang ditempatkan di Pulau Pinang adalah memadai pada masa kini.

Pada dasarnya Kerajaan telah meluluskan sebanyak 4,000 perjawatan baru mulai tahun 2012 sehingga 2015 untuk memperkasakan lagi perkhidmatan polis kepada masyarakat. Pertambahan jawatan ini tidak termasuk kekosongan yang disebabkan persaraan, berhenti kerja dan dibuang kerja.

Peningkatan jenayah jalanan hanyalah persepsi yang ditimbulkan oleh pihak tertentu bagi meraih sokongan peribadi. Bukti jelas hasil daripada transformasi yang diperkenalkan oleh NKRA mengurangkan jenayah menunjukkan hasil yang positif. Statistik jenayah jalanan telah menurun di Pulau Pinang dari 750 kes pada tahun 2013 (Januari – Julai) kepada 658 kes tahun 2014 (Januari – Julai) iaitu penurunan sebanyak 92 kes atau 12.3%.